

06 AUG 1999

Mahathir-Bank

MAHATHIR PERTAHANKAN PENGGABUNGAN BANK-BANK TEMPATAN

SIBU, 6 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempertahankan cadangan penggabungan bank-bank tempatan dengan berkata ia perlu bagi membolehkan mereka berjaya bersaing dengan bank-bank asing.

Semasa bercakap pada sidang berita di lapangan terbang sebelum pulang ke Kuala Lumpur selepas lawatan dua hari ke Sarawak, beliau berkata akhirnya bank-bank asing akan masuk untuk bersaing dengan bank-bank tempatan.

Malahan bank-bank asing yang sudah berada di negara ini, sedang berkembang, katanya.

Dr Mahathir berkata jelas dilihat semasa kegawatan ekonomi bahawa rakyat Malaysia lebih memilih bank asing daripada bank-bank tempatan dan mereka berupaya menarik semua tabungan kepada mereka.

"Bank-bank tempatan tidak dipercayai sepenuhnya oleh rakyat tempatan. Kecuali mereka memperkukuhkan diri dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik, rakyat tidak akan mahu menggunakan bank-bank tempatan," katanya.

Bank Negara telah menetapkan 30 Sept sebagai tarikh akhir bagi institusi kewangan untuk menandatangani memorandum persefahaman bagi program penggabungan itu.

Program itu akhirnya akan mewujudkan hanya enam kumpulan utama bank perdagangan, enam kumpulan bank saudagar dan enam kumpulan syarikat kewangan.

Pada masa ini terdapat 21 bank perdagangan tempatan, 25 syarikat kewangan dan 12 bank saudagar.

Dr Mahathir juga berkata bank-bank perlu belajar untuk bertindak balas terhadap sesuatu keadaan.

"Kita dapati sesetengahnya kadang-kadang terlalu liberal dalam memberikan pinjaman. Menjadikan orang susah, dan ketika itu mereka tidak mengeluarkan pinjaman. Disebabkan itu juga kita memerlukan bank yang lebih besar dan kukuh."

Semasa ditanya sama ada penggabungan itu akan bermakna ramai pekerja yang akan diberhentikan, beliau berharap ia tidak akan berlaku.

"Banyak yang mereka boleh lakukan. Saya yakin mereka boleh mencari pekerjaan lain kerana sebagai ahli perbankan mereka merupakan orang yang bijak pandai," katanya.

Mengenai sama ada beliau akan mengadakan pilihan raya umum sekarang memandangkan beliau hampir menamatkan lawatannya ke seluruh negara, Dr Mahathir berkata beliau "mempunyai banyak masa lagi."

"Saya akan pergi ke China, Siberia dan kemudian makan angin. Kemudian saya akan kembali menemui lebih ramai lagi rakyat," katanya.

Perdana Menteri akan mengadakan lawatan rasmi ke Siberia dan China dari 15 hingga 23 Ogos.

Dr Mahathir berkata negara sudah berada dalam suasana dan semangat pilihan raya sejak dua tahun lepas kerana parti-parti pembangkang telah mempertingkatkan kegiatan mereka.

"Mereka telah mengibarkan bendera dan berkempen sejak dua tahun lepas. Mereka begitu rajin dan saya harus mengucapkan tahniah kepada mereka. Tetapi saya dapati bendera-bendera mereka sudah mula reput," katanya.

Semasa menjawab satu pertanyaan kenapa beliau suka bercakap mengenai keamanan, kestabilan, perpaduan dan keharmonian kaum dalam kebanyakan ucapannya sepanjang lawatan beliau ke seluruh negara, Dr Mahathir berkata ini untuk menunjukkan bahawa parti pemerintah Barisan Nasional (BN) merupakan sebuah parti yang "amat positif".

"Kita mahukan kemanan, keharmonian dan kita mahu rakyat bekerjasama membangunkan negara ini. Kita mengharapkan kerjasama semua orang untuk negara ini membangun. Kita tidak mahu bersubahat dengan orang luar untuk menghancurkannya," kata beliau.

Katanya BN tidakpun memperkatakan perkara yang buruk mengenai pembangkang yang sebaliknya telahpun mengambil pendekatan amat negatif.

Mengenai lawatannya ke Sarawak, Perdana Menteri berkata ia begitu menggalakkan kerana penduduk negeri ini begitu bersemangat menunjukkan sokongan mereka.

Dr Mahathir berkata beliau terharu dengan apa yang dilihatnya di Miri malam tadi kerana sejumlah kira-kira 40,000 penduduk sanggup terus berdiri di tempat masing-masing sehinggalah beliau selesai berucap.

Kira-kira 3,000 orang terdiri daripada wakil parti-parti komponen BN, pertubuhan sukarela dan kakitangan awam berada di lapangan terbang Sibul mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Beliau diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob.

-- BERNAMA
ESS RON